



## **TEKS UCAPAN**

### **MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL DAN RESOLUSI MUZAKARAH PENGKURSUS IBADAT HAJI DAN UMRAH TAHUN 1444H/2023H KALI KE-30**

**Yang Mulia**

**Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim Bin Pengiran Haji Hassan  
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama**

### **ANJURAN**

**Jabatan Urusan Haji  
Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**PADA**

**Hari Rabu**

**25hb Jamadilakhir 1444H/18hb Januari 2023M**

**Tempat**

**Dewan Multaqa  
Lantai Bawah, Bangunan Baru  
Kementerian Hal Ehwal Ugama**

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعليه آله وصحبه أجمعين.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Mulia,

Ustazah Hajah Zunainah binti Haji Gunong, Pmk. Penolong Pengarah Urusan Haji, selaku Timbalan Pengerusi Majlis Penyampaian Sijil dan Resolusi Muzakarah Pengkrusus Ibadat Haji Dan Umrah Bagi Tahun 1444/2023 kali ke-30.

Yang Mulia,

Awang Haji Mohammad Rosli Bin Haji Ibrahim  
Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia,

Dr. Haji Awang Adnan bin Haji Besar,  
Ra`es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB).

Yang Mulia,

Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang,  
Timbalan Setiausaha Tetap, (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia,

Pembentang Kertas Kerja Perdana  
Awang Haji Sammali bin Haji Adam Ketua Unit Komunikasi Korporat Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Yang Mulia,  
Pengarah-Pengarah, Penolong-Penolong Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan, Pembentang-Pembentang Kertas Kerja dan para peserta serta hadirin hadirat yang peramba/saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, peramba/saya bersyukur ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala* kerana dengan limpah rahmat dan izinNya juga, kita dapat sama-sama hadir pada petang ini dalam **Majlis Penyampaian Sijil dan Resolusi Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Dan Umrah Tahun 1444H/2023H Kali Ke-30**.

Pertamanya, peramba/saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Pengarah urusan Haji, Pmk Penolong Pengarah dan kesemua warga Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana telah berjaya mengungkayahkan **Majlis Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Dan Umrah bagi Tahun 1444H/ 2023M untuk Kali yang Ke 30**. Dalam tempoh Muzakarah ini iaitu sudah kali ke-30 diungkayahkan, peramba/saya percaya, Muzakarah seperti ini merupakan platform yang telah teruji positif dalam mengongsikan dan menyebar ilmu manasik haji, hikmah dan kelebihannya termasuk memastikan keseragaman di dalam penyampaian hukum hakam berkaitan haji, umrah dan ziarah kepada bakal-bakal haji.

Atas asas ini, peramba/saya percaya, Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan terus mempertingkatkan usaha dalam menyebar luaskan ilmu manasik haji dan menghuraikan penyelesaian dalam isu-isu semasa tentang hukum hakam Ibadat Haji yang berbangkit. Oleh itu, adalah sangat penting bagi Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan juga kepada pihak-pihak yang berkepentingan agar turut meningkatkan kerjasama terutama dalam merencana kaedah/program yang inovatif dengan menggunakan pendekatan menarik dan bersesuaian untuk diberikan kepada guru-guru pengkursus, termasuk pegawai-pegawai, mahasiswa mahasiswi Institusi Pengajian tinggi dan orang ramai.

Semoga usaha yang bermanfaat ini sentiasa diteruskan malah dikembangkan lagi di masa akan datang bagi terus kita melahirkan khususnya guru pengkursus yang kompeten, cekap dan bermaklumat.

Hadirin hadirat yang peramba/saya hormati sekalian,

Melihat kepada program yang diatur, pada sesi sebelah pagi tadi, para peserta Muzakarah Pengkursus Ibadat haji dan Umrah telah mendengar dan menghayati pembentangan 2 kertas kerja oleh Pegawai-Pegawai dari Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. Peramba/saya dimaklumkan bahawa respon daripada peserta adalah amat positif iaitu banyak soalan-soalan diutarakan oleh para peserta. Pada hemat peramba/saya, ini adalah tanda kejayaan Muzakarah ini yang rintipatinya adalah bertujuan supaya Pengkursus Ibadah haji dan umrah khususnya mempunyai keyakinan yang tinggi dalam memberikan bimbingan kepada bakal-bakal haji Negara Brunei Darussalam, insyaAllah.

Dan pada sebelah petang ini, insyaAllah, kita akan sama-sama mendengar Kertas Kerja Perdana yang akan disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz haji Sammali bin haji Adam, Ketua Unit komunikasi Korlorat Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Peramba/saya percaya, Kertas yang akan dibentangkan ini juga akan memberikan nilai tambah yang bermanfaat buat kita menyelami lagi Falsafah dan Kelebihan Ibadat Haji.

Hadirin hadirat yang peramba/saya hormati sekalian,

Seseorang yang berhajat untuk melaksanakan ibadah haji, selain ia perlu mempersiapkan dirinya dengan ‘kesihatan fizikal’ dan kemampuan kewangan’ sebagai bekalan dan untuk keluarga yang ditinggalkan, ia juga perlu mempersiapkan dengan bekalan ilmu yang cukup. Setidak-tidaknya ada 2 ilmu yang mesti dipelajarinya dan dihadamnya bagi mencapai haji yang mambrur.

**Pertama** adalah ilmu tentang Perlaksanaan Ibadat haji (termasuk umrah). Wajib baginya mengetahui rukun-rukun dan wajib-wajib haji, mulai dari tatacara berihram, tawaf, sa’ie sehingga kepada melontar jumrah dan seterusnya, ilmu manasik haju ini

perlu difahaminya secara teori dan praktikal supaya dapat menyempurnakan ibadat haji dengan sempurna, lebih-lebih lagi kepada mereka yang pertama kali menunaikan ibadah haji.

**Kedua** adalah ilmu tentang falsafah, kelebihan dan adab haji. Ini kerana tidak semua bakal-bakal haji itu memahami dengan mudah. Ibadat haji adalah merupakan pengorbanan, pengabdian, pengampunan dosa, menguji kesabaran, persaudaraan, melawan hawa nafsu dan sebagainya. Ibadat haji juga menghendaki bakal-bakal haji mempastikan adab-adab sebelum haji ditunaikan ( antaranya berniat ikhlas, bertaubat, menyediakan perbelanjaan yang halal, bekalan yang mencukupi, mencari teman yang baik, mempelajari manasik haji, membuang sifat-sifat keji, berlapang dada, menunaikan kewajipan sembahyang, banyak berdoa dan membuat wasiat jika perlu). Manakala adab-adab semasa menunaikan ibadah haji perlu dijaga dengan sempurna termasuk menjauhi amalan syirik, khurafat dan bid'ah. Ini termasuk berbantah-bantah dan bertelagah semasa melakukan ibadah haji.

Jadi di sinilah peranan guru-guru pengkursus dalam menyalurkan ilmu-ilmu tersebut dengan menyampaikan maklumat tentang ibadah berhubung-kait dengan manasik haji itu kepada bakal jema'ah haji dengan penuh sempurna agar bakal-bakal haji bersedia dengan ketahanan mental dan fizikal serta rohani yang mantap dan akhirnya insyAllah pulang dengan mendapat haji yang maabruk, insyaAllah.

Sebagai tambahan, guru-guru pengkursus juga berperanan untuk memberikan maklumat tambahan kepada bakal-bakal haji dengan gambaran dan cabaran di bumi 'Arafah dan Mina ketika melontar dan sebagainya termasuk jangkaan-jangkaan yang mungkin dihadapi di Tanah Suci nanti selain mendedahkan dengan perkembangan, dasar dan peraturan kerajaan Arab Saudi yang perlu dipatuhi dari masa kesemasa.

Akhirnya, peramba/saya berharap pengkongsian Muzakarah pada petang ini akan dimanfaatkan oleh semua peserta dalam sama-sama memantapkan lagi kefahaman ilmu ibadat haji termasuk menangani isu-isu semasa yang timbul dari ibadat haji. InsyaAllah dengan bimbingan, tunjuk ajar dan pendedahan para guru pengkursus nanti, akan membolehkan para bakal haji Negara Brunei Darussalam dapat menunaikan ibadah haji dengan sempurna.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi peramba/saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada peserta-peserta Kursus Muzakarah, pembentang kertas dan juga Pengerusi Majlis serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Muzakarah dan Majlis pada petang ini, yang telah bertungkus lumus dapat mengungkayahkan Muzakarah dan Majlis yang penuh keberkatan dan berkebaikan ini dari awal hingga selesai dengan jayanya, semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memberikan ganjaran pahala yang setimpalnya, amin

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهِدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَّكَاتُهُ